

GARIS PANDUAN DAN PERATURAN-PERATURAN UNTUK PEMBERIAN SIJIL PENGHARGAAN MPKSM DAN PENGURNIAAN PINGAT DAN BINTANG-BINTANG MPKSM PULAU PINANG

1.Semua Warga Negara Malaysia tanpa mengira kaum, jantina dan agama yang terutama bermastautin atau bekerja di Negeri Pulau Pinang DAN lain-lain orang-perseorangan yang bukan Warga Negeri Pulau Pinang juga boleh dipertimbangkan atas budibicara oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim Pemilihan.

2.Pemberian Sijil Penghargaan MPKSM dan Pengurniaan Pingat dan Bintang MPKSM tersebut adalah diberikan setiap tahun kepada sesiapa yang benar-benar menonjol dan telah dapat memberi faedah atau nilai tambah untuk kemajuan dalam membantu orang-orang yang serba kekurangan dan yang kurang bernasib baik khasnya didalam masyarakat Negeri Pulau Pinang dan Negeri-Negeri yang lain.

3.Pemilihan calon untuk Pemberian Sijil Penghargaan MPKSM dan Pengurniaan Pingat dan Bintang-Bintang MPKSM tersebut akan dibuat oleh Jawatankuasa Jemaah Hakim yang dilantik oleh Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia Pulau Pinang. Orang awam yang bermoral tinggi dan boleh dipercayai dan dihormati boleh juga dijemput untuk menjadi Ahli Panel Penasihat Jawatankuasa Jemaah Hakim.

4.Ahli-Ahli MPKSM di Negeri Pulau Pinang yang berkecualan bolehlah dicalonkan melalui Pengerusi / Setiausaha Kehormat Cawangan-Cawangan MPKSM Daerah masing-masing.

5.Pengerusi Jawatankuasa Jemaah Hakim Pemilihan, Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Kehormat Jawatankuasa MPKSM Negeri berhak untuk mencadangkan sesiapa sahaja yang bukan Ahli MPKSM untuk dipertimbangkan Penerimaan Pemberian Sijil Penghargaan MPKSM dan dikurniakan dengan Pingat atau Bintang yang sesuai dengan sumbangan Si Calon tersebut.

6.Semua Pencalonan perlu diadakan melalui ***BORANG PENCALONAN UNTUK Pemberian SIJIL PENGHARGAAN MPKSM NEGERI dan Pengurniaan Pingat dan Bintang-Bintang MPKSM*** dan sampaikan kepada Urusetia Bahagian Jemaah Hakim MPKSM Negeri pada satu tarikh yang akan diumumkan melalui suratkhbar-suratkhbar tempatan. Borang-borang Pencalonan boleh juga dimuat turun daripada laman web MPKSM melalui ***www.mpksmpg.com.my***.

7.Semua Penerimaan Sijil Penghargaan MPKSM dan Pengurniaan Pingat dan Bintang-Bintang MPKSM yang berjaya akan dijemput untuk menerimanya pada satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Penerima mesti hadir sendiri untuk menerima Sijil Penghargaan MPKSM dan Pengurniaan Pingat dan Bintang-Bintang MPKSM yang diberikan. Sesiapa yang tidak hadir tanpa sebab-sebab yang boleh diterima akan dianggap telah menolak penerimaannya dan calon tersebut atau persatuan/Pertubuhan yang mencalonkan bersama-sama tidak lagi berhak untuk mencalonkan sesiapaupun selama 10 tahun kemudiannya.

8.Semua Penerima Sijil Penghargaan MPKSM dan Pengurniaan Pingat dan Bintang-Bintang MPKSM akan diberitahu secara bertulis dan perlu berpakaian kemas dan bersopan semasa menerima Bintang tersebut. Bagi lelaki, Lounge Suite warna gelap, berkemeja lengan panjang dan bertali leher. Manakala, bagi wanita ialah pakaian barat atau pakaian yang bersopan.

9. Permohonan / Pencalonan juga boleh dibuat atas calonan sendiri dengan sertakan butiran-butiran khidmat kebajikan.

10. Semua penerima boleh memohon atau dicalonkan Pingat / Bintang yang berikutnya setelah bergengapnya tiga (3) tahun beliau menerima Pingat / Bintang MPKSM kecuali beliau mendapatkan kelulusan dan persetujuan Pengerusi / Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Hakim Pemilihan.